

## Bangkok salah satu destinasi paling terkenal di dunia



Bangkok mendapat penghargaan sebagai "Kota Paling Disukai" kedua di dunia di Instagram, seperti yang dinilai oleh syarikat pemindahan lapangan terbang Hoppa.

Gabenor Lembaga Pelancongan Thailand (TAT) Yuthasak Supasorn berkata bahawa Instagram adalah tempat dunia menyimpan gambar-gambar percutian, amat menarik apabila Bangkok mencipta banyak kenangan yang mengembirakan. Orang ramai suka negara tersebut kerana suasannya yang meriah serta makanan dan budaya yang menakjubkan.

Laporan Hoppa mengenai bandar-bandar yang paling banyak "dikongsi" di platform perkongsian foto Instagram dengan melihat 50,000 gambar yang diambil selama sebulan di 50 destinasi paling banyak dikunjungi di dunia. Bangkok menduduki tempat kedua dari segi gambar "disukai", dengan Los Angeles menduduki tempat pertama. London dan Taipei menduduki tempat ketiga dan keempat dan Miami di tempat kelima.

Bangkok tersenarai dalam "Bandar Terbaik Dunia" oleh majalah Travel and Leisure yang berpangkalan di AS selama 20 tahun. Makanan Thai juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pembaca Travel and Leisure memilih Bangkok sebagai salah satu Bandar Keseluruhan Teratas di dunia dalam Anugerah Terbaik Dunia 2015 yang berpengaruh di majalah tersebut. Bangkok mendapat tempat keenam dalam senarai. Begitu juga masakan, destinasi dinilai bagi keramahan, beli-belah dan mercu tanda bandar. Bangkok terkenal dikalangan pembaca kerana makanan jalanannya dan gabungan budaya kuno dan kemewahan moden.

Indeks Destinasi MasterCard Asia Pasifik 2015 juga mendedahkan bahawa Bangkok adalah destinasi teratas di rantau ini, bedasarkan peniliaan pengunjung, penginapan semalam antarabangsa, dan perbelanjaan pengunjung.

Sejak diasaskan sebagai ibu kota pada tahun 1782, Bangkok berkembang menjadi pusat politik, sosial, dan ekonomi yang penting di Asia Tenggara. Pengaruhnya dalam seni, politik, fesyen, pendidikan, dan hiburan, serta peranannya sebagai pusat perniagaan, kewangan, dan kebudayaan menjadikan Bangkok sebagai sebuah bandar global.

Bandar tersebut kini mempunyai penduduk berdaftar seramai 5.7 juta, daripada jumlah penduduk negara seramai 65 juta. Bangkok adalah satu daripada dua kawasan pentadbiran khas di negara ini, kawasan lain ialah Pattaya, di mana rakyat mencalonkan gabenor atau datuk bandar mereka, tidak seperti di bahagian-bahagian lain di negara tersebut. Ia mempunyai kira-kira 1.000 bangunan pencakar langit dan berada di kedudukan ke-17 di antara bandar tertinggi di dunia.

Bandar ini merupakan pusat kepada syarikat-syarikat utama dalam dan luar negara serta sebahagian besar kemudahan pendidikan, sukan dan budaya terkemuka di negara tersebut. Sebilangan besar eksport dan import diangkut melalui Bangkok, pusat penerbangan Thailand, kereta api, dan jaringan perhubungan.

Bangkok mempunyai daya tarikan yang mampu menarik pengunjung dari seluruh pelusuk negara untuk mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universitinya, mencari pekerjaan, atau semata-mata untuk melihat monumennya dan menikmati pelbagai hiburan.